

Pili bomba rosak sukarkan usaha padam api

Lima unit kediaman di
Tingkat 17, Blok 70, Flat Sri
Sabah, Cheras musnah dalam
kebakaran pada Ahad malam.

Lima unit kediaman
di Tingkat 17, Blok 70,
Flat Sri Sabah musnah

Oleh MUHAMMAD AFHAM
RAMLI
KUALA LUMPUR

Tindakan awal
penguji rumah
untuk memadam
kebakaran di
Tingkat 17, Blok 70, Flat
Sri Sabah, Cheras di sini
pada Ahad berdepan kesu-
litan apabila pili bomba
di tingkat terbabit gagal
berfungsi.

Berkongsi detik cemas
itu, seorang daripada
mangsa kebakaran, Loo
Choon Ming, 39, berkata,
ketika kejadian, dia dan ibunya yang
berusia 62 tahun berada di rumah dan
sedang menonton televisyen pada
kira-kira jam 8 malam.

"Pada mulanya, saya hanya nam-
pak sedikit kepulan asap namun ia
semakin banyak, menyebabkan saya
bergegas ke luar rumah untuk melihat
apa yang berlaku. Saya nampak api
di rumah jiran sebelah dan segera
bantu memadamkan api.

"Kami cuba padamkan api selama
kira-kira 20 minit dengan menjerus air
tetapi gagal sebelum menghubungi
bomba," katanya ketika ditemui di
lokasi kejadian di sini pada Ahad.

Choon Ming yang bekerja sebagai
jurujual berkata, melihat api semakin
marak, dia dan ibunya menyelamatkan
diri dengan menuruni tangga se-
hingga tingkat 15 sebelum meng-
gunakan lif ke tingkat bawah.

Dia kesal kerana pili bomba yang
terletak di tingkat 17 tidak berfungsi

dengan baik, menyebabkan usaha
awalnya bersama jiran untuk me-
madamkan kebakaran di peringkat
awal tidak berjaya.

Katanya, kebakaran itu me-
nyebabkan rumahnya musnah se-
penuhnya.

"Tiada barang-barang yang dapat
diselamatkan, semuanya telah mus-
nah. Nasib baik saya dan ibu tidak
mengalami sebarang ke-
cederaan," katanya.

Sementara itu,
Pengarah Bahagian
Operasi Kebombaan dan
Penyelamatan Jabatan
Bomba dan Penyelamat
Malaysia (JBPM), Nordin
Paui berkata, seramai 55
anggota bomba dan tujuh
jentera dikejarkan ke lo-
kasi selepas pihaknya
menerima panggilan
pada jam 9.19 malam.

"Kejadian dipercayai
berpunca dari rumah nombor tiga
sebelum api merebak ke unit nombor
dua, empat, lima dan enam.

"Api berjaya dikawal pada jam
11.22 malam dan tiada mangsa ter-
libat walaupun siasatan awal men-

dapati tiga rumah mempunyai peng-
huni ketika kejadian namun mereka
berjaya menyelamatkan diri," kata
beliau.

Nordin berkata, empat balai ter-
libat dalam operasi memadamkan
kebakaran iaitu Balai Bomba dan
Penyelamat (BBP) Hang Tuah, BBP
Bandar Tun Razak, BBP Sri Hartamas
dan BBP Pudu.

Katanya, seramai 39 anggota dari
lain-lain agensi seperti Angkatan
Pertahanan Awam Malaysia (APM)
dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
terlibat dalam operasi memadamkan
kebakaran yang memusnahkan lima
unit kediaman itu.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah
Cheras, Asisten Komisioner Zam
Halim Jamaludin berkata, maklumat
awal mendapati tiada unsur jenayah
terlibat dalam kejadian tersebut.

Ujarnya, seramai 50 anggota po-
lis ditempatkan di lokasi kejadian bagi
tujuan keselamatan dan melakukan
pemantauan bagi memastikan ia da-
lam keadaan baik.

"Siasatan lanjut berhubung kejadi-
an ini akan dilakukan oleh pihak bom-
ba dan sebarang perkembangan akan
dimaklumkan," katanya.



CHOON MING



FOTO: BERNAMA

Keadaan
terkini
lima unit
pangsapuri
di Tingkat
17, Blok
70, Flat
Sri Sabah,
Cheras yang
terbakar
pada Ahad.